

**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 1/1999**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan selamat menyambut tahun baru masehi 1999 kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diseluruh negara termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi kerajaan di seberang laut.


Sehubungan dengan ini, Jabatan Perdana Menteri juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas taat setia yang tidak berbelah bahagi yang telah diberikan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta prestasi kerja dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab dan juga disiplin kerja yang baik yang telah ditunjukkan oleh semua pegawai dan kakitangan kerajaan di sepanjang tahun 1998.

Alhamdulillah, dengan berkat semua itu telah dapat melicinkan perjalanan jentera kerajaan dengan baik, disamping telah dapat mempertingkatkan tahap perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam serta mengekalkan keamanan, kestabilan, pembangunan dan kemakmuran negara.

Tahun 1999 adalah merupakan tahun yang penuh cabaran kerana kegawatan ekonomi dan kewangan masih menyelubungi rantau kita yang mana juga melibatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam waktu yang sama, dalam menuju ke alaf yang baru dan menempuh era globalisasi, negara juga menghadapi persaingan-persaingan untuk meraih peluang-peluang ekonomi, perdagangan dan pelaburan bagi memperkembangkan pertumbuhan ekonomi dan menjamin masa depan negara.

Kita juga menghadapi hambatan-hambatan daripada perkembangan pesat teknologi maklumat yang membawa berbagai pengaruh dan cabaran kepada cara kita melaksanakan dan menggerakkan jentera pentadbiran kerajaan dan juga keatas struktur dan pertumbuhan sosial di Negara Brunei Darussalam.

Begitu juga kita menghadapi persiapan-persiapan bagi negara untuk menjadi tuan rumah kepada beberapa perhimpunan serantau dan antarabangsa yang sangat penting dan signifikan kepada negara terutama sekali dalam menguji kemampuan kita untuk mengendalikan dengan jayanya yang didahului dengan Sukan SEA yang ke 20 pada bulan Ogos tahun 1999 dan di ikuti dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Ekonomi APEC di tahun 2000.



Dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dinyatakan termasuk juga bagi memenuhi agenda-agenda pembangunan dan kemajuan negara, pegawai-pegawai dan kakitangan dikesemua peringkat adalah diseru untuk memusatkan segala perhatian kearah mempertingkatkan mutu prestasi kerja dan produktibiti yang lebih tinggi.

Disamping itu, pegawai-pegawai dan kakitangan perlu untuk sentiasa berusaha menghasilkan kecemerlangan didalam perkhidmatan awam. Terutama sekali dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dengan sempurna dan usaha-usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan peluang pelaburan di Negara Brunei Darussalam.


Kunci utama untuk mencapai kecemerlangan perkhidmatan awam ialah bagi kita semua untuk terus memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi Kepada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sokongan padu kepada kerajaan Baginda. Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah sentiasa berpegang kepada saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena tahun baru 1996 yang mana antara lain Baginda bertitah bahawa "apabila semua tenaga bersatu dan menggunakan peta perjalanan yang satu, maka Insya Allah, negara akan selamat dan kita akan terus maju."

Kita juga perlu untuk mendisiplinkan diri dengan mematuhi semua peraturan-peraturan bekerja di pejabat yang didahului dengan patuh kepada waktu bekerja dan kehadiran di pejabat. Sikap lambat datang kepejabat dan keluar masuk pejabat dengan sewenang-wenang dan lebih mementingkan kepada urusan-urusan peribadi yang diluar daripada urusan-urusan pejabat hendaklah dihapuskan sama sekali.

Tindakan-tindakan tegas hendaklah diambil oleh ketua-ketua jabatan kearah memastikan pegawai-pegawai bawahan dan kakitangan mereka patuh kepada peraturan waktu bekerja. Mereka juga hendaklah memastikan peraturan yang berhubung dengan tidak kehadiran bekerja tanpa sebab oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan seperti yang terkandung di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Dalam usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan meyakinkan kepada orang ramai, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya hendaklah memastikan "Tekad Pemedulian Orang Ramai" yang telah disediakan dilaksanakan dengan penuh komitmen dan sentiasa dikemaskinikan.

Peningkatan perkhidmatan perlu diberikan keutamaan dengan menghindarkan sebarang kelambatan dan penangguhan kerja. Perkhidmatan kaunter perlu dilaksanakan dengan efisien dan berkesan serta penuh sopan santun bagi menghindarkan sungutan-sungutan orang ramai. Pemantauan yang rapi perlu diadakan oleh setiap kementerian dan jabatan yang berkenaan.



Memanfaatkan teknologi maklumat bagi meningkatkan kelicinan jentera pentadbiran dan mengujudkan komunikasi yang cepat dan telus serta memudahkan urusan kerja dan timbang cara perlu di kembang dan pertingkatkan. Dengan terdapatnya rangkaian Laman Web Rasmi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita hendaklah terus berusaha untuk maju ke hadapan dalam usaha mengujudkan perhubungan secara elektronik didalam kerajaan secara meluas.

Berjimat cermat didalam membelanjakan kewangan dan perbelanjaan pejabat juga perlu diberikan perhatian dalam menghadapi kegawatan ekonomi yang ada sekarang. Penjimatan yang dimaksudkan termasuklah juga dalam menggunakan sumber tenaga manusia secara optima dan untuk membuat penyusunan penempatan dan penggunaan tenaga kerja mengikut keutamaan dan matlamat perkhidmatan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah memahami dan menghargai setiap usaha kerajaan yang dihasratkan bagi penjimatan didalam perbelanjaan kerajaan. Dalam waktu yang sama Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan juga perlu berikhtiar bagi meningkatkan pendapatan hasil kerajaan dengan lebih berorientasikan komersial didalam memberikan perkhidmatan mereka dan mengendalikan kutipan hasil yang lebih berkesan daripada pelanggan-pelanggan mereka.

Bagi menghadapi tahun masehi 1999 yang penuh cabaran ini marilah kita semua membulatkan tekad untuk memberikan penuh perhatian dan komitmen kearah peningkatan kecemerlangan perkhidmatan awam di Negara Brunei Darussalam dengan berpegang kepada perinsip-perinsip yang terkandung di dalam Etika Kerja Perkhidmatan Awam dan Ikrar Perkhidmatan Awam yang telah dilafazkan sempena Hari Perkhidmatan Awam 1998 terutama sekali dalam mengujudkan hubungan "Hablun Min Allah dan Hablun Min An-Nas".

Marilah juga kita sama-sama bertekad untuk menghindarkan dan mengikis sikap-sikap negatif dan tidak produktif dalam perilaku tugas dan tanggungjawab seharian sebagai pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Selamat Tahun Baru Masehi 1999

(DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH)

Setiausaha Tetap

Rujukan : (1)JPM/SK/1999

Tarikh : 16 Ramadan 1419

04 Januari 1999